



ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

RM50.0 JUTA TUNGGAKAN PNEBUSAN SYER ANGGOTA SELESAI DIBAYAR



Pengerusi KPF, YM Raja Faridah Raja Ahmad (kiri sekali) sedang memberikan taklimat kepada anggota.

Sehingga 31 Mac 2024, tunggakan bayaran penebusan syer anggota bagi tempoh permohonan Januari hingga Julai 2023 telah selesai dibayar sebanyak RM50.0 juta termasuk permohonan khas untuk Haji dan sakit kritikal.

Bagi permohonan penebusan syer yang diterima untuk tempoh Ogos hingga Disember 2023 akan diproses berperingkat-peringkat mengikut kesediaan tunai.

KPF amat memahami segala kesulitan dan keresahan yang dihadapi oleh anggota dan sentiasa berusaha menangani isu ini dalam situasi kewangan yang sangat mencabar ketika ini.

SENARAI SEMAK DOKUMEN PINDAH MILIK

- ✓ Salinan sijil kematian jika pemindahan syer kerana kematian anggota.
- ✓ Salinan surat Perintah Pembahagian (bicara kuasa).
- ✓ Salinan Kad Pengenalan Waris / Penerima Pindahan.
- ✓ Salinan Paysheet FELDA yang telah ditukar nama.



@kptrasmi



www.kpf.my

RANGKA PELAN STRATEGIK 3 TAHUN, KPF KEKAL RELEVAN

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Yusri Yusof



Gambar kenangan berkumpul.

Mendepani cabaran perniagaan masa kini, KPF telah merangka pelan strategik 3 tahun (2025 – 2027) sebagai langkah untuk terus kekal sebagai koperasi negara yang mampan. Bengkel khas telah diadakan bagi tujuan penetapan hala tuju pelaburan KPF dan Kumpulan pada 9 hingga 10 April 2024 bertempat di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi.

Seramai 34 peserta daripada pengurusan kanan dan eksekutif KPF dan Kumpulan turut menghadiri bengkel tersebut.

TENERA & D'SAJI SIAP SIAGA SAMBUTAN RAMADAN

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Yusri Yusof

Hotel Tenera menampilkan bufet Ramadan bertemakan "Lip Lap Lip Lap" sebagai langkah persediaan menyambut bulan puasa.

Bagi pemain industri hospitaliti, bulan Ramadan adalah masa terbaik untuk menjana pendapatan dan pengukuhan jenama. Oleh itu, majlis previu telah diadakan pada 8 Februari 2024 dan dirasmikan oleh Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Pelbagai juadah disediakan dan mendapat pengiktirafan sebagai Bufet Ramadan Terbaik pada tahun 2019, 2022 dan 2023 daripada Gastronomy Association of Malaysia.

D'Saji turut menampilkan bufet Ramadan bertemakan sajian negeri-negeri di Malaysia di Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur.



Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sedang menyampaikan ucapan perasmian.



KURSUS INDUKSI PETUGAS BAHARU 2024

Oleh: Salmiah Ahmad Tahir
Foto: Yusri Yusof



Ketua Jabatan Operasi dan Keanggotaan, Ustaz Abdul Rahman Hamzah sedang memberikan taklimat kepada petugas baharu.

KPF telah mengadakan kursus induksi kepada petugas baharu sebagai persediaan sebelum memulakan pekerjaan.

Petugas diperkenalkan dengan -

prosedur dan budaya kerja serta pengetahuan asas berkaitan penjawatan. Selain itu, wakil daripada setiap jabatan juga telah memberikan sedikit pengenalan berkaitan aktiviti jabatan masing-masing.

Sesi suai kenal dan induksi ini telah diadakan pada 18 Mac 2024 di Bilik Mesyuarat Samarahan, Balai FELDA. Seramai 10 petugas baharu telah terlibat yang terdiri daripada petugas ibu pejabat dan cawangan Ar Rahnu.

Salams
Ramadan
2024 / 1445 H

"Seandainya manusia mengetahui keistimewaan Ramadan, nescaya mereka ingin supaya sepanjang tahun itu adalah Ramadan"

Hadis Riwayat al-Thabrani, Ibnu Khuzaimah & al-Baihaqi



@kptrasmi



www.kpf.my